

'Dunia bakal hadapi krisis kelaparan'

IPOH – Malaysia berada diambang bahaya keselamatan bekalan makanan, titah Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzudin Shah.

Baginda bertitah, usaha-usaha perlu dilakukan secara bersungguh serta memberi tumpuan untuk mengurangkan import bekalan makanan dalam menghadapi krisis itu.

Titah baginda, langkah-langkah strategik perlu diperkenalkan untuk mewujudkan petani generasi baharu, meluaskan kawasan tanaman makanan dan menggalakkan pengeluaran melalui kaedah moden walaupun di atas tanah bersaiz kecil.

"Negara kita berada dalam status defisit bekalan makanan. Import makanan pada 2020 mencecah RM55.5 bilion berbanding RM33.8 bilion eksport.

"Defisit perdagangan produk makanan negara meningkat daripada RM1 bilion pada 1990 kepada RM11 bilion pada 2010, dan RM21.7 bilion pada 2020.

"Pengalaman tiga tahun dilanda pandemik Covid-19, menyerlahkan status kritikal kekurangan bekalan makanan dalam negara, dan negara perlu mendapatkan pertolongan negara lain untuk memastikan kita memiliki bekalan makanan secukupnya," titah baginda.

Sultan Nazrin bertitah, lebih banyak badan berkanun, syarikat milik kerajaan (GLC) serta pihak swasta perlu tampil ke hadapan menghulurkan sumbangan dan bantuan untuk membiayai projek-projek menghasilkan makanan.

Titah baginda lagi, golongan belia juga hendaklah menawarkan diri serta menawarkan kepimpinan untuk membandingkan program brigeed muda petani moden.

"Beta menghargai sambutan masjid, surau, pusat tahfiz dan sekolah, bergerak aktif mengusahakan pelbagai program penghasilan makanan.

"Program menghasilkan makanan hendaklah terus diperluaskan dan dijadikan program tetap oleh setiap masjid dan surau di negeri Perak.

"Masjid dan surau hendaklah berada di barisan hadapan di setiap mukim dan kampung, memberikan sebaik contoh teladan, mendorong dan membimbing masyarakat setempat, melaksanakan ibadah fardu kifayah menghasilkan makanan," titah baginda.

Menurut baginda, kekurangan bekalan makanan di pasaran bukan sahaja menyebabkan harga melonjak naik, tetapi juga memberi risiko lebih buruk kepada manusia ekoran dunia bakal menghadapi krisis kelaparan.

"Loceng amaran telah berbunyi, lampu isyarat telah berkecip apabila rakyat berasa resah mengalami situasi kekurangan bekalan telur, ayam, sayur dan minyak masak.

"Harga bahan-bahan makanan terutama bahan-bahan import, diramalkan terus meningkat akibat gangguan rantaian bekalan selepas tercetusnya perang Rusia-Ukraine, di samping penurunan nilai ringgit," titah baginda.